

# 'KTM Fun Run And Ride' pada 8 Mei

UB 6.5.2016 AIS


**KOTA KINABALU:** Buat julung-julung kali penganjurannya, Kolej Kediaman Tun Mustapha akan mengadakan program 'Fun Run and Ride' bersempena dengan Karnival Kolej Kediaman Tun Mustapha pada 8 Mei ini bertempat di padang kawad Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Program ini merupakan aktiviti yang berbentuk kesukan dengan objektif utama adalah mewujudkan mahasiswa dan masyarakat yang sihat dan cergas serta mengamalkan kebersihan alam sekitar melalui penggunaan basikal berbanding kenderaan berenjin yang mengeluarkan

asap yang mampu menjejaskan kualiti alam sekitar.

Pengetua Kolej Kediaman Tun Mustapha yang juga Pensyarah Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) Lt. Col. Dr Mohammad Nizam Nazarudin berkata, program berkenaan dapat membuka peluang kepada pelajar dan juga masyarakat umum untuk kekal aktif dan juga dapat mengamalkan gaya hidup sihat di samping dapat beriadah bersama masyarakat yang lain.

Program sebegini akan mengeratkan hubungan silaturahim antara para peserta dan juga pihak penganjur di samping dapat membuka mata masyarakat untuk terus



**CONTOH gambar larian.**

bergiat aktif dalam bidang sukan khususnya berbasikal dan berlari dan sekali gus mewujudkan suasana yang harmoni," katanya.

Dalam pada itu pengarah program Mohd Jakrul Nizam Ismail berkata, setakat ini sebanyak 90 orang peserta dalam kalangan pelajar dan juga masyarakat umum telah mendaftar untuk mengambil bahagian dalam acara ini.

Bagaimanapun, pihaknya turut menjangka jumlah pendaftaran bagi program ini akan meningkat dan bertambah lagi kerana pendaftaran masih terbuka.

Antara peserta yang bakal menyertai program ini adalah dalam kalangan pelajar IPTA/IPTS, SMK, staf UMS sendiri dan juga masyarakat luar.

"Selain aktiviti larian dan berbasikal, aktiviti cabutan tiket bertuah juga akan diadakan bagi memeriahkan lagi suasana semasa aktiviti berlangsung selain persembahan semasa program berlangsung.

Sehubungan dengan itu beliau berharap program sebegini akan menjadi platform bagi para pelajar dan juga masyarakat untuk bergiat aktif dalam bidang sukan dan sentiasa mengamalkan gaya hidup sihat.

Pada masa yang sama, pihaknya turut mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam memastikan program ini ke landasan yang tepat.



**CONTOH gambar berbasikal.**